

NISSAN
NISSAN ALMERA

FIND OUT MORE [replay](#)

Nasional Artikel Wilayah Luar Negara Hiburan Sukan Bisnes Pendidikan Sains Rekreasi Gaya Hidup Xtive

Terkini Berita Utama Dalam Negeri Politik Perhimpunan UMNO Parlimen Jenayah Mahkamah Laporan Khas

E-PAPER



Menarik hari ini

DALAM NEGERI

ARKIB : 28/06/2014

Felda Wellness meterai MoU dengan lima syarikat bertaraf antarabangsa

Hasnurul Mohamed

SAN DIEGO (California) 27 Jun - Felda Wellness Corporation (FWC), anak syarikat milik penuh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan lima syarikat bertaraf antarabangsa dalam usahanya untuk muncul sebagai pemain utama dalam industri kesihatan.

Majlis pertukaran MoU itu melibatkan lima syarikat termasuk syarikat BioNexus ialah Gordagen Pharmaceuticals, Malaysian Genormics Resource Centre Berhad. (MGRC), Seeloz Inc, Naerok Resourced Co. Ltd. dan Neopeutics Inc.

Majlis memeterai MoU itu diadakan di sesi Malaysia Partnering Day, hari terakhir Persidangan Antarabangsa Bio 2014.

Majlis disaksikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya; Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu; Ketua Pegawai Operasi BioTechCorp Malaysia, Datuk Mohd. Nazlee Kamal, Setiausaha Bahagian Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Bahagian Bioteknologi Kebangsaan, Datuk Dr. Mohd. Jamil Maah dan Penasihat Komunikasi Pejabat Perdana Menteri, Datuk Seri Farid Ridzuan.

Turut diadakan prapelancongan FWC Formulae iaitu jenama kesihatan terapeutic yang akan membentuk komponen utama dalam produk FWC pada masa depan. Produk ini merupakan kerjasama FWC dengan Neopeutics.

Selain pertukaran MoU FWC dengan lima syarikat berkenaan, pada majlis yang sama turut menyaksikan dua pertukaran MoU melibatkan syarikat BioNexus, Algae International Bhd. dan Nutrigae Inc serta Sengenics Sdn. Bhd. dengan Collabrx Inc.

Ketua Pegawai Eksekutif FWC, Mohd. Nasir Shafion berkata, kerjasama yang dijalankan bersama syarikat antarabangsa termasuk syarikat BioNexus dilihat sebagai satu alternatif untuk membawa Felda keluar daripada kepompong pertanian.

"Selama 56 tahun imej Felda sebagai pertanian dan peneroka. Sudah tiba masanya kejayaan yang dikecapi oleh Felda sejak sekian lama itu dianjukkan kepada perubatan agro (agroceutical) sebagai satu tambah nilai kepada Felda secara keseluruhan.

"Kita juga mahu menjana pendapatan Felda. Oleh itu dalam tempoh 20 tahun akan datang, nilai pelaburan Felda dapat mencecah AS\$100 bilion (RM321.24 bilion) setahun berbanding AS\$40 bilion (RM128.55 bilion) setahun, sekarang," katanya.

Sementara itu, pada sidang akhbar yang sama, Timbalan Pengarah Besar Sumber Strategik Felda, Muhammad Sufi Mahbub pula berkata, pemeteraian MoU hari ini turut menyumbang kepada peluang pekerjaan terhadap penduduk Felda.

"Menerusi program Mega Transformasi Blueprint kita menjangkakan dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada 2.5 juta generasi muda Felda pada masa akan datang.

"Ini kerana Felda juga dilihat sebagai 'satu negara di dalam sebuah negara'," katanya.

Beliau menambah, menjelang tahun 2056 sebanyak 317 tanah rancangan dapat dibuka dengan 300 peneroka global. - UTUSAN

Waktu Solat Kuala Lumpur

 Subuh 5:44
 Zohor 1:20
 Asar 4:45
 Maghrib 7:29
 Isyak 8:44
[Klik untuk waktu solat kawasan lain](#)

-  **Dengar SuriaFM**
Radio SuriaFM Menceriakan Dunia
-  **PRK Bukit Gelugor**
Utusan Live di PRK Parlimen Bukit Gelugor
-  **PRK Teluk Intan**
Utusan Live di PRK Parlimen Teluk Intan
-  **Riuh Rio Brazil 2014**
Laman web mikro bola sepak Piala Dunia 2014
-  **Tragedi Pesawat MH370**
Utusan Live lapor kehilangan pesawat MH370
-  **KE7B Greenland 2014**
Laporan Ekspedisi KE7B Greenland Malaysia 2014

KOMUNITI

- Waktu Solat
- Laporan Cuaca

BERITA

- Berita Utama
- Dalam Negeri
- Wilayah
- Laporan Khas
- Parlimen
- Politik
- Luar Negara
- Sukan
- Bisnes
- Mahkamah
- Jenayah

KOLUMNIS



GAYA HIDUP

- Agama
- Keluarga
- Hiburan
- Rancangan TV
- Feminin
- Pendidikan

IKLAN@UTUSAN

→ 300px

↓ 250px

RUANG IKLAN UNTUK DISEWA

www.utusan.com.my/Jom_Iklan

IKLAN@UTUSAN



Pizza Hut LUNCH BOX

RM27 PER SET 2 PAX

FIND OUT MORE

Lunch Box is valid for dine-in-only from 11am - 5pm.

- MENARIK**
-  **Ruang iklan percuma hartanah, produk**
Promosikan perniagaan anda kepada dunia.
 -  **Jom langgan akhbar Utusan Malaysia**
Dapatkan terus akhbar dengan cara mudah.
 -  **Aduan sukar dapat naskhah akhbar**
Beritahu kami jika akhbar tiada di tempat anda.
 -  **Gambar kahwin Album Raja Sehari**
Abadikan kenangan indah anda di dada akhbar.